

KOD ETIKA COESIA

Etika di tempat kerja

coesia

Kandungan

Mesej daripada Presiden

Kod Etika Coesia

Untuk siapakah Kod ini?

Kompas Etika

Perkara yang menyatukan kita:
misi dan nilai kita terhadap Hormat,
Tanggungjawab, Pengetahuan, Semangat
Tinggi

Tatakelakuan

1. Pengurusan Telus
2. Hak Asasi Manusia dan Buruh
3. Kesihatan dan Keselamatan
4. Rangkuman: Kepelbagaian, Peluang dan Layanan Sama Rata
5. Maklumat dan Perlindungan Data
6. Kejujuran dan Integriti
7. Rasuah
8. Konflik Kepentingan
9. Kerahsiaan
10. Sistem Kawalan Dalaman, Perakaunan Tepat, Rekod Kewangan dan Bukan Kewangan
11. Aktiviti Komersial dan Kewangan Sah
12. Persaingan Adil
13. Sumber Alam Sekitar
14. Imej Korporat
15. Beroperasi sebagai sebuah Kumpulan
16. Pembekal
17. Komuniti

Jawatankuasa Etika Kumpulan

Sistem Pemberian Maklumat

Mesej daripada Presiden

Kumpulan Coesia menjadikan etika perkara paling penting dalam tingkah laku perniagaan keusahawanan dan mengiktiraf peranan budaya utama tanggungjawab korporat dalam memupuk dan meningkatkan hubungan sosial.

Semua Syarikat dalam Kumpulan membangunkan tanggungjawab sosial dan alam sekitar mereka sendiri di kawasan mereka, selaras dengan prinsip dan garis panduan yang diberikan. Melalui tindakan mereka, mereka menyumbang kepada kemakmuran dan menambah baik kualiti kehidupan dalam masyarakat mereka.

Pertama kali diperkenalkan pada tahun 2010, Kod Etika kami yang dikemas kini mencerminkan pendekatan metodologi yang masih wujud terhadap kesejahteraan modal insan yang bekerja di Coesia. Ia juga menyediakan rangka kerja bagi idea positif dan nilai yang bertindak sebagai sokongan dalam menghadapi perubahan peribadi dan sosial serta cabaran ekologi dan iklim pada zaman kita.

Melalui semakin Kod Etika, Coesia berhasrat untuk terus mewujudkan keadaan yang sangat memuaskan bagi memupuk dan berkongsi projek tanggungjawab sosial dan kelestarian dalam semua Syarikat Kumpulan. Ini merupakan komitmen semua orang untuk mengekalkan dan menggubal nilai bersama kita. Dalam kehidupan seharian, tingkah laku kita yang berorientasikan tanggungjawab merupakan tanda kematangan sosial dan mencerminkan kemajuan budaya dan ekonomi.

Kami berusaha untuk terus menggalakkan persekitaran kerja, iaitu pertukaran idea dan cadangan digalakkan melalui perdebatan terbuka tentang pendekatan kerja, identiti korporat dan potensi inovatif kami. Evolusi laluan murni yang baharu ini ke arah tanggungjawab Kumpulan Syarikat yang semakin bertambah, iaitu nilai bersama kita boleh dilaksanakan dalam amalan seharian, memerlukan komitmen bersama daripada individu dan organisasi yang terlibat dengan kita. Ini akan membolehkan semua Syarikat kita dan masyarakat membangunkan interaksi bermakna yang boleh menyumbang secara berkesan kepada pembangunan sebenar dan lebih lestari.

Isabella Seràgnoli

Kod Etika Coesia


coesia



Kod Etika Coesia menetapkan prinsip kelakuan beretika yang diperlukan bagi mereka yang bertindak atas nama atau bagi pihak Coesia. Ia membimbing tindakan semua Syarikat Kumpulan Coesia dan menunjukkan cara untuk melaporkan tingkah laku atau situasi yang tidak selaras dengan Kod Etika tersebut.

¹*Pihak Berkepentingan* ialah mana-mana pihak yang, sama ada secara langsung atau tidak langsung, mempengaruhi atau dipengaruhi oleh sebarang aktiviti sesebuah organisasi. Pihak berkepentingan COESIA ialah Pelanggan, Rakan Usaha Sama, pemegang saham, Lembaga Pengarah, pembekal (termasuk pembekal modal), kesatuan pekerja, pesaing, alam sekitar dan komuniti, termasuk pengguna akhir, universiti, pusat penyelidikan dan sekolah, institusi, pentadbiran awam dan Badan Kawal Selia.

² Istilah *Pekerja* digunakan untuk turut merujuk kepada semua individu yang bekerjasama dengan Syarikat milik Kumpulan Coesia dalam kapasiti yang berbeza – seperti pengarah, pekerja penyumberan luar, dan perunding.



Prinsip sedemikian mengawal perhubungan dengan semua pihak berkepentingan¹, di dalam dan di luar Syarikat, dan mencerminkan komitmen untuk menerima pakai amalan terbaik yang bukan sahaja mematuhi undang-undang, tetapi juga diinspirasikan oleh rasa integriti etika yang kuat di kalangan Pekerja², dengan pelanggan, rakan kongsi komersial, pembekal dan masyarakat di tempat Coesia beroperasi.

Prinsip-prinsip yang digariskan dalam Kod ini memberikan sokongan dalam usaha ke arah misi Kumpulan dan membuat keputusan yang baik dan tepat pada masanya dalam melaksanakan aktiviti profesional, sambil sentiasa melindungi dan meningkatkan reputasi Coesia.

Versi kedua Kod Etika Coesia ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Coesia dan terpakai kepada semua Syarikat yang dikawal oleh Kumpulan kerana ia dianggap sebagai elemen asas bagi budaya organisasinya.

Untuk siapakah ia?



Kod Etika terpakai kepada semua ahli Lembaga Pengarah, dan Badan Pentadbiran dan Penyeliaan lain dalam Syarikat Kumpulan Coesia, pengurus dan Pekerja di bawah mana-mana perjanjian kontrak, termasuk pekerja luar jangka, rakan kongsi dan pembekal, serta perunding dan ejen.

Badan korporat dan pengurus Syarikat terikat untuk menjadi contoh pematuhan yang konsisten terhadap prinsip-prinsip Kod dalam kelakuan seharian mereka.

Sebarang tindakan yang berpotensi boleh memberikan manfaat kepada Kumpulan, tetapi bertentangan dengan peraturan dan prinsip yang digariskan dalam Kod, adalah tidak dibenarkan. Khususnya, semua penerima hendaklah memastikan bahawa prinsip ini diketahui dan digunakan secara konsisten dalam sebarang situasi yang melibatkan Syarikat Coesia, walaupun secara tidak langsung.

Coesia hendaklah memastikan bahawa Kod Etika ini disebarikan secara meluas dengan mempromosikan program komunikasi dan aktiviti latihan khusus.

Kod Coesia menyediakan rangka kerja kawal selia untuk kelakuan profesional dan disokong oleh dasar dalaman serta sistem pengurusan, garis panduan dan prosedur, yang membekalkan perincian yang lebih khusus tentang tingkah laku yang diharapkan.

Kod ini terpakai di semua negara di tempat Coesia beroperasi, kecuali peraturan negara dan supranasional yang berbeza.

Kompas Etika



Kod Etika Coesia menyediakan garis panduan tingkah laku secara umum untuk menggalakkan kelakuan profesional yang betul. Walau bagaimanapun, ia tidak dapat meliputi setiap isu yang mungkin timbul.

Berikut ialah beberapa soalan yang boleh membantu dalam memutuskan tindakan yang betul apabila tidak pasti tentang perkara yang perlu dilakukan dalam situasi yang rumit:

Adakah kelakuan itu sah?

Adakah keputusan itu beretika?

**Adakah ia sejajar dengan nilai Coesia dan Kod Etikanya?
Adakah ia mematuhi dasar, garis panduan dan prosedur Kumpulan?**

Apakah implikasi tindakan yang bakal diambil?

Bolehkah kelakuan ini kelihatan tidak wajar kepada rakan sekerja lain atau seseorang di luar organisasi? Bolehkah ia menjejaskan reputasi Syarikat?

Adakah penyelia anda tahu dan meluluskan keputusan ini?



Nilai dan garis panduan yang ditetapkan dalam Kod ini direka bentuk untuk membantu individu dalam membuat keputusan yang, sambil mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang terpakai, masih memberikan ruang untuk pertimbangan individu.

Implikasi etika tingkah laku individu mungkin selalunya tidak ketara dalam contoh pertama dan mungkin tidak pasti tentang cara berkelakuan dalam situasi luar biasa, atau apabila beroperasi dalam persekitaran budaya yang prinsip Kod kelihatan tidak selaras dengan konteks tempatan. Dalam keadaan sedemikian, seperti dalam mana-mana keadaan yang sebahagiannya tidak pasti, Coesia menyokong pertimbangan individu yang berdasarkan nilai Kumpulan dan prinsip yang terkandung dalam Kod ini.

Perkara yang menyatukan kita:

misi dan nilai kita terhadap
Hormat, Tanggungjawab,
Pengetahuan, Semangat
Tinggi



Misi Kita

Mencipta nilai ekonomi, sosial dan alam sekitar jangka panjang yang lestari untuk pelanggan kami, Pekerja kami, pemegang saham dan komuniti di tempat kami beroperasi.



Nilai Kita

Coesia mengiktiraf etika³ sebagai tonggak kelakuan yang berasaskan nilai teras Kumpulan:



Hormat


kepada manusia, peraturan, masyarakat tempatan, sumber alam sekitar dan ekonomi. Hormat menunjukkan ketegasan dan integriti.



Pengetahuan


yang datang daripada budaya, wilayah, hubungan, pengalaman, penyelidikan dan latihan; pengetahuan sebagai perkembangan peribadi dan profesional.

³ *Etika* merujuk kepada satu set nilai dan prinsip yang membimbing kelakuan seseorang, berdasarkan kemungkinan untuk menilai tindakan sendiri dan tindakan orang lain.



Tanggungjawab

atas akibat keputusan dan tindakan seseorang, untuk memimpin melalui teladan, mengamalkan kepimpinan inklusif bagi mencapai keputusan sambil memupuk bakat dan memberikan merit. Tanggungjawab, malah tanggungjawab kolektif, sentiasa bermula dengan kebertanggungjawaban individu.



Semangat Tinggi

terhadap produk, demi inovasi, kecemerlangan, kecantikan, kerja dan prestasi. Didorong oleh semangat tinggi, kita boleh membayangkan hasil walaupun sebelum ia dicapai.

Hormat

Coesia menganggap menghormati orang, nilai intrinsik dan maruah mereka sebagai prinsip utama tindakannya. Coesia mengiktiraf setiap individu yang terlibat dengan Syarikatnya dan dengan itu memainkan peranan dalam membina sejarah dan masa depan Kumpulan.

Coesia mengiktiraf nilai dan kepentingan utama hubungan dengan pihak berkepentingan dan mengiktiraf tingkah kelakuan berdasarkan etika, integriti⁴, dan rasa hormat sebagai asas kepada kejayaan aktiviti.

⁴ *Integriti* merujuk kepada tingkah laku yang jujur dan adil serta menunjukkan konsistensi dengan kedua-dua nilai etika dan undang-undang.

Coesia komited terhadap piawaian kejujuran dan keadilan tertinggi, dan menjalankan perniagaannya dengan pematuhan tegas terhadap semua undang-undang dan peraturan yang terpakai di mana-mana negara tempat ia beroperasi, walaupun dalam konteks undang-undang yang berbeza. Pematuhan penuh terhadap undang-undang dan peraturan antarabangsa dan kebangsaan bukan sahaja bermakna bertindak secara sah, tetapi juga mengiktiraf semangat prinsip Kod secara lebih meluas, untuk pematuhan yang lebih mendalam terhadap nilai etika asas Kumpulan.

Sasaran tatakelakuan yang diterangkan dalam Kod Etika Coesia adalah untuk menggalakkan piawaian tingkah laku untuk pengurusan perniagaan yang telus dan lestari, memastikan keadaan kerja yang menghormati hak asasi manusia dan masyarakat tempatan. Sasarannya juga adalah untuk memelihara dan menghormati sumber alam sekitar, mengikut prinsip peredaran.



Tanggungjawab

Coesia komited terhadap amalan perniagaan yang bertanggungjawab, selaras dengan piawaian kelestarian yang paling maju, dengan mengambil kira akibat ekonomi, alam sekitar dan sosial daripada tindakan dan pilihannya, kerana ia adalah penting untuk memberikan tumpuan kepada perkara yang dilakukan, tetapi juga kepada cara ia telah diselesaikan.

Coesia ingin menggalakkan kepimpinan yang inklusif dan sedar yang menyokong kemahiran dan kepakaran semua Pkerjanya, secara individu dan sebagai satu pasukan. Setiap orang boleh mengamalkan kepimpinan kebaktian yang memberikan inspirasi dan motivasi kepada orang lain dengan cara yang positif, dalam usaha mencapai matlamat yang sama. Dialog, rangkuman dan pujukan ialah ciri penting kepimpinan yang berkomunikasi secara berkesan dengan berhati-hati, ketelusan dan ketepatan.

Coesia hanya boleh mencapai matlamat yang mencabar jika semua orang mengambil tanggungjawab dan menggunakan bakat dan kreativiti mereka untuk mengambil bahagian dalam mencari penyelesaian praktikal dan mengekalkan persekitaran kerja yang menarik dan menaikkan motivasi sehingga memudahkan kerjasama dengan rakan sekerja dan antara Syarikat Kumpulan yang berbeza. »



Tanggungjawab

Semua individu dalam kedudukan yang bertanggungjawab diharapkan agar bertindak mengikut garis panduan berikut:

mematuhi Kod dan proses membuat keputusan yang telus, memimpin melalui teladan dan menjadi contoh;

memastikan bahawa semua Pekerja telah membaca, memahami, dan membiasakan diri dengan Kod tersebut;

mewujudkan persekitaran yang menggalakkan tingkah laku beretika, iaitu Pekerja berasa selesa untuk melaporkan sebarang isu yang mungkin timbul atau meminta penjelasan; setiap pengurus bertanggungjawab untuk menggalakkan budaya mendengar dan berdialog, membolehkan semua individu berasa bebas untuk bersuara tanpa takut akibat negatif mahupun tindakan balas;


mengambil serius sebarang kebimbangan atau pertimbangan yang dibangkitkan oleh Pekerja dan menentukan sama ada isu itu perlu dikemukakan kepada penyelia.

Coesia melindungi dan mempromosikan nilai Pekerjaannya untuk menambah baik dan meningkatkan pelbagai kecekapan mereka, dan komited untuk membangunkan kemahiran mereka supaya mereka dapat mencapai kepuasan dalam kerja mereka dan dalam mencapai kejayaan Kumpulan.

Coesia menghargai dan memupuk bakat semua orang dan menyediakan konteks yang merangsang supaya semua boleh bermotivasi untuk menyatakan potensi penuh mereka dalam perkhidmatan Kumpulan dan masyarakat. Penambahbaikan berterusan dan tingkah laku proaktif ialah tanggungjawab individu yang menyokong evolusi Coesia.

Semua Pekerja dinilai mengikut merit dan berdasarkan kemahiran, kebolehan, sumbangan profesional dan komitmen mereka.

Pengetahuan



Pengetahuan merupakan nilai sosial asas dalam setiap budaya. Coesia menganggapnya elemen utama untuk evolusi berterusan perkhidmatan, produk dan penyelesaian yang ditawarkan.

Sasaran Coesia adalah untuk menjana hubungan baharu antara sektor, pasaran dan teknologi, serta peluang hubungan baharu dengan pihak berkepentingan, bertindak sebagai penggerak bagi kemajuan ekonomi, sosial dan budaya masyarakat di tempat ia beroperasi.

Coesia menyedari kesannya terhadap masyarakat dan melabur dalam penyelidikan dan pembangunan untuk menawarkan penyelesaian, perkhidmatan dan produk lestari yang selaras dengan inovasi digital yang berterusan, menyokong transformasi sosial.

Pengetahuan, kemahiran dan kecekapan Pekerja Kumpulan ialah aset unik dan penting kepada kejayaan Coesia. Dengan mempromosikan

peluang profesional untuk merealisasikan aspirasi peribadi, Coesia memudahkan usaha gabungan untuk mencapai matlamat sama secara bersama.

Coesia melabur dalam pengetahuan baharu dan memupuk evolusi dan perkembangan Pekerjaanya dengan menawarkan peluang pembelajaran, latihan dan pembangunan kemahiran dan potensi individu dan pasukan, melalui program yang disasarkan untuk penambahbaikan berterusan.

Menyumbang kepada pembangunan lestari juga membayangkan sikap ambil berat tentang kesejahteraan semua Pekerja, latihan dan pengemaskinian mereka. Coesia menghargai sinergi generasi dan menganggapnya sebagai faktor utama dalam menghadapi cabaran sosial dan pasaran, supaya semua orang boleh memainkan peranan penting dalam kemakmuran Kumpulan dan masyarakat.

Semangat Tinggi

Inovasi berterusan yang didorong oleh semangat tinggi Pekerja kami adalah penting untuk kemajuan dan disepadukan dalam model, proses dan pengeluaran kecemerlangan yang semakin hibrid yang menyatukan manusia, teknologi dan kelestarian.

Semangat tinggi menjana satu lingkaran semangat yang menular sehingga mencetuskan pelbagai kemungkinan dan meningkatkan keyakinan dalam mencapai matlamat yang mencabar, walaupun dalam situasi yang rumit dan sangat berubah. Dengan semangat tinggi mereka, pekerja di Coesia mengekalkan komitmen mereka untuk bekerja dan menawarkan penyelesaian, perkhidmatan dan produk baharu kepada pelanggan dan masyarakat.


Perhatian kepada kecantikan, dari segi harmonik, fungsi, aspek pentingnya, bukan sahaja terhad kepada penyelesaian dan reka bentuk produk, tetapi juga digunakan pada tempat kerja, proses dan kualiti kerja, dan perlu

dicari dalam semua tingkah laku yang boleh dijadikan contoh.

Coesia memastikan tempat kerja yang inklusif dan merangsang iaitu semua orang boleh menyatakan kreativiti, semangat tinggi dan bakat mereka, secara individu dan kolektif.

Kerjasama tulen mewujudkan persekitaran yang sinergi dan menyokong iaitu kerja berpasukan dipupuk sebagai pemacu untuk melipatgandakan kemungkinan dan sebagai keupayaan kritikal untuk mengekalkan prestasi. Objektif yang mustahil untuk dicapai seorang diri boleh dicapai bersama apabila bekerja sebagai satu kumpulan.

Bekerja dengan semangat tinggi dan mencapai matlamat bersama akan mewujudkan kepercayaan bersama. Coesia mengharapkan semua Pekerjaanya mengambil bahagian secara proaktif dalam mewujudkan dan mengekalkan suasana dialog terbuka dan membina yang boleh meningkatkan semangat kekitaan dalam sesebuah pasukan.



Tatakelakuan



Syarikat, Pekerja dan pembekal Coesia komited untuk mendukung tatakelakuan dan garis panduan berikut, untuk bertindak selaras dengan misi dan nilai Kumpulan, di samping perundangan dan peraturan kebangsaan dan antarabangsa yang terpakai di negara tempat mereka beroperasi:

- 1. Pengurusan Telus
- 2. Hak Asasi Manusia dan Buruh
- 3. Kesihatan dan Keselamatan
- 4. Rangkuman: Kepelbagaian, Peluang dan Layanan Sama Rata
- 5. Maklumat dan Perlindungan Data
- 6. Kejujuran dan Integriti
- 7. Rasuah
- 8. Konflik Kepentingan
- 9. Kerahsiaan
- 10. Sistem Kawalan Dalaman, Perakaunan Tepat, Rekod Kewangan dan Bukan Kewangan
- 11. Aktiviti Komersial dan Kewangan Sah
- 12. Persaingan Adil
- 13. Sumber Alam Sekitar
- 14. Imej Korporat
- 15. Beroperasi sebagai sebuah Kumpulan
- 16. Pembekal
- 17. Komuniti

1. Pengurusan Telus

Ketelusan memperkukuh keberkesanan nilai-nilai Coesia dan rasa kepercayaan dan kekitaan terhadap Kumpulan.

Ketelusan ialah asas dalam pengurusan lanjutan dan membolehkan juga untuk meningkatkan persepsi Pekerja terhadap ekuiti organisasi.

Coesia, sebagai Kumpulan Syarikat dengan budaya yang dikongsi dan matlamat yang sama, mengharapkan pengurusnya agar menjalankan kerja dan menyampaikan keputusan kepada Pekerja mereka secara telus, berkongsi maklumat yang jelas dengan orang bawahan yang dipimpin.

Jenis tingkah laku ini juga diperlukan dalam semua perhubungan organisasi rentas fungsi antara dan dalam jabatan dan Syarikat Kumpulan yang berbeza.



2. Hak Asasi Manusia dan Buruh

Coesia mengisytiharkan komitmennya untuk menghormati, melindungi, dan mempromosikan Hak Asasi Manusia dan Buruh, mematuhi prinsip yang ditetapkan oleh organisasi antarabangsa terkemuka⁵ dan oleh keperluan undang-undang dan peraturan di semua negara tempat beroperasi.

Coesia mempromosikan model kerja yang mengambil berat dan memupuk maruah dan hak semua individu, menyediakan tempat kerja yang sihat dan selamat, pekerjaan yang dipilih secara bebas dan gaji yang adil — sentiasa menghormati umur bekerja yang sah dan hak untuk menyertai kesatuan sekerja dan persatuan lain.

Sekiranya pekerja migran diambil bekerja, Coesia menghormati undang-undang buruh dan imigresen negara tuan rumah.

Coesia mengecam semua pelanggaran hak asasi manusia dan buruh yang terpakai sepanjang keseluruhan rantai bekalan, khususnya semua bentuk eksploitasi kerja, keganasan dan gangguan, dan sebarang pengantaraan kerja yang tidak sah.


⁵ · Deklarasi Universal Hak Asasi Manusia (Bangsa-bangsa Bersatu, 1948); · Konvensyen Tentang Hak Kanak-kanak (PBB, 1989); · Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO); · Deklarasi Tentang Prinsip Asas dan Hak di Tempat Kerja (ILO, 1998); · Deklarasi Prinsip Tiga Pihak berkenaan Perusahaan Multinasional dan Dasar Sosial (ILO, 2017); · Norma tentang Tanggungjawab Perbadanan Transnasional dan Perusahaan Perniagaan lain berkenaan dengan Hak Asasi Manusia, (PBB, 2003); · Prinsip Panduan Perniagaan dan Hak Asasi Manusia, (PBB, 2011) · Panduan Usaha Wajar OECD untuk Rantaian Bekalan Mineral Bertanggungjawab dari Kawasan Terjejas Konflik dan Berisiko Tinggi (2016).

3. Kesihatan dan Keselamatan

Coesia menghormati semua peraturan dan perundangan yang terpakai, mengamalkan piawaian kesihatan dan keselamatan tertinggi untuk melindungi kesihatan dan kesejahteraan pekerja. Coesia melabur dalam persekitaran kerja yang selamat dan terus berusaha untuk mendukung prestasi kesihatan dan keselamatan terbaik di tempat kerja.

Coesia komited untuk menyebarkan dan mewujudkan budaya keselamatan dan pencegahan risiko, menggalakkan tingkah laku bertanggungjawab daripada semua Pekerja, dan pembekal, menyediakan penyelesaian dan produk yang mematuhi sepenuhnya undang-undang negara dan antarabangsa, serta piawaian keselamatan tertinggi.

Coesia membangunkan budaya pencegahan kemalangan dan mengharapkan semua Pekerja dan pembekal sentiasa memastikan kelakuan yang selamat dan bertanggungjawab, untuk melindungi keselamatan mereka sendiri dan orang lain.



4. Rangkuman: Kepelbagaian, Peluang dan Layanan Sama Rata

Coesia mengakui nilai maruah, kepelbagaian dan hak semua orang, serta menjamin peluang dan layanan yang sama kepada semua Pekerja, mengecam sebarang bentuk prasangka, diskriminasi⁶, penderaan⁷, rusuhan⁸ atau gangguan⁹.

Coesia menghormati dan menghargai kepelbagaian dan memastikan tiada jenis diskriminasi yang berlaku atas sebab-sebab: negara asal, bahasa, kewarganegaraan, etnik, warna kulit, bangsa, jantina, identiti jantina atau kebolehubahan jantina¹⁰, penetapan semula jantina, orientasi seksual, umur, kedudukan profesional, agama, politik atau kepercayaan peribadi, aktiviti atau penglibatan kesatuan, keadaan fizikal atau kesihatan, ketidakupayaan, status perkahwinan, kehamilan dan bersalin, latar belakang budaya atau sosial.

Kumpulan melaksanakan semua syarat organisasi yang diperlukan untuk tempat kerja yang inklusif, tanpa perbezaan individu. »

⁶ *Diskriminasi* merujuk kepada sebarang layanan yang tidak adil atau kurang baik berdasarkan ciri peribadi dan termasuk juga diskriminasi tidak langsung yang berlaku apabila terdapat peraturan atau dasar sama yang mempunyai kesan tidak adil ke atas individu yang berkongsi sifat tertentu.

⁷ *Penderaan* yang berbentuk lisan, fizikal, ugutan atau sebaliknya.

⁸ *Rusuhan* melibatkan tingkah laku bermusuhan secara sistematik yang menyasarkan pekerja untuk mengecualikan atau mengasingkannya.

⁹ Istilah *gangguan* merujuk kepada sebarang kelakuan yang tidak diingini atau tingkah laku yang tidak dialu-alukan (komen lisan, tindakan atau gerak isyarat) yang bersifat seksual atau sebaliknya, yang mempunyai tujuan atau kesan untuk menjatuhkan atau mencabul maruah seseorang, atau integriti fizikal dan mental atau mewujudkan ketakutan, permusuhan, merendahkan maruah seseorang, persekitaran kerja yang memalukan atau menyinggung perasaan.

¹⁰ *Kebolehubahan jantina* merujuk kepada kebebasan mentakrif dan menukar berkali-kali ekspresi jantina atau identiti seseorang, atau kedua-duanya, tanpa semestinya mengenal pasti dengan jantina sendiri, atau bukan perempuan atau lelaki (neutral jantina).

4. Ringkuman: Kepelbagaian, Peluang dan Layanan Sama Rata

Dalam setiap aspek hubungan kerja – pemilihan, pengambilan pekerja, latihan, pampasan, kenaikan pangkat, pembangunan profesional dan peluang kerja, pemindahan dan penamatan – Coesia mendasarkan keputusannya semata-mata pada kelayakan yang diperlukan, kemahiran profesional dan kecenderungan peribadi, merit dan prestasi kerja, menolak sebarang bentuk layanan yang tidak sama rata.

Kejayaan Coesia berkait rapat dengan kesejahteraan Pekerjaannya dan keupayaan untuk mewujudkan tempat kerja yang inklusif dan mesra. Coesia menghargai kepelbagaian dan sumbangan unik setiap individu, yang kreativitiya adalah asas kepada produk, perkhidmatan dan penyelesaian pinggir depan yang diberikan oleh Kumpulan.

Coesia mengharapkan Pekerjaannya memberikan nilai kepada kualiti perhubungan dan menggalakkan persekitaran kerja dengan kerjasama bersama yang memupuk kesejahteraan dan semua orang boleh berasa diterima dan selesa.

5. Maklumat dan Perlindungan Data

Coesia memberikan perhatian istimewa kepada perlindungan sistem maklumat dan data digital dan rekod elektroniknya, menggunakan sistem keselamatan siber.

Data yang dikumpul dan disimpan oleh Coesia mungkin termasuk data peribadi yang dikawal oleh perundangan perlindungan privasi.

Coesia melindungi data peribadi dan privasi Pekerja, pelanggan, pembekal dan semua pihak lain yang berkaitan dengan Syarikat, dengan mematuhi sepenuhnya keperluan undang-undang dan peraturan di semua negara tempat beroperasi.



6. Kejujuran dan Integriti

Selain mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang terpakai, semua Pekerja diharapkan supaya mematuhi prinsip Kod bersama dasar, garis panduan dan prosedur dalaman Syarikat. Setiap orang mesti bertanggungjawab untuk mendukung piawaian tertinggi kejujuran dan integriti.

Para pekerja bertanggungjawab untuk menghormati dan menjaga sumber dan aset Syarikat — kedua-dua ketara dan tidak ketara — yang mesti dilindungi dan digunakan dengan betul.

7. Rasuah

Coesia tidak bertolak ansur dengan sebarang bentuk rasuah¹¹, sogokan¹², bayaran pemudahan¹³ atau penipuan, seperti menerima atau meminta, menawarkan atau berjanji untuk menawarkan, sama ada secara terus atau melalui pihak ketiga atau pengantara, sebarang keuntungan atau kelebihan yang tidak wajar, atau melakukan sebarang tindakan yang melanggar atau boleh menyebabkan melanggar undang-undang dan peraturan antirasuah.

¹¹ *Rasuah* bermaksud sama ada menerima atau menawarkan wang, hadiah, pinjaman, pampasan, atau faedah lain untuk menjalankan aktiviti yang menyalahi undang-undang, melanggar hubungan kepercayaan dengan Syarikat.

¹² *Sogokan* ialah penyalahgunaan kuasa yang diamanahkan untuk mendapatkan faedah peribadi yang tidak sepatutnya.

¹³ *Bayaran pemudahan* ialah bayaran dalam nilai kecil yang diberikan secara tunai atau barangan kepada pegawai kerajaan untuk melaksanakan fungsi rutin yang wajib dilakukan oleh mereka (seperti mempercepat proses mendapatkan permit, lesen, dsb.). Bayaran pemudahan tidak termasuk yuran pentadbiran yang sah dan bayaran yang sah untuk perkhidmatan pantas yang dibayar kepada organisasi (bukan kepada individu), iaitu resit boleh dikeluarkan atas permintaan.

Coesia menentang semua bentuk rasuah, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dan mengekalkan usaha untuk memeranginya di semua negara tempat ia beroperasi.

Hadiah atau Ganjaran

Anda tidak dibenarkan untuk menawarkan atau menerima, sama ada secara langsung atau tidak langsung, apa-apa wang, hadiah, atau manfaat dalam apa jua bentuk, yang boleh muncul sebagai cara untuk mendapatkan kelebihan peribadi, tidak terhad pada keuntungan kewangan, dan oleh itu bertentangan dengan prinsip dan peraturan yang ditetapkan dalam Kod ini.

Ihsan perniagaan, seperti ganjaran atau layanan baik, dibenarkan hanya apabila nilainya sederhana dan, dalam apa jua keadaan, seperti tidak menjejaskan integriti atau reputasi mana-mana pihak yang terlibat.

Coesia melindungi dan menyokong mana-mana Pkerjanya yang enggan membayar atau menerima sebarang pemindahan nilai yang tidak wajar seperti rasuah, bayaran pemudahan atau hadiah yang tidak wajar.





8. Konflik Kepentingan

Coesia mengharapkan Pekerjaanya sentiasa bertindak pada tahap kejujuran tertinggi dan memerhati serta mengekalkan kesetiaan kepada Syarikat, bertindak demi kepentingan terbaik Kumpulan. Setiap orang dikehendaki mengamalkan kelakuan yang melindungi dan mempromosikan kepentingan terbaik Syarikat, dan mesti mengelakkan sebarang situasi yang kepentingan peribadi mereka mungkin bercanggah atau kelihatan bercanggah dengan kepentingan Syarikat.

Walaupun sekadar kelihatan seperti konflik kepentingan¹⁴ yang boleh mempengaruhi keputusan perniagaan, ia boleh merosakkan kerja dan reputasi semua orang. Situasi yang boleh membawa kepada keuntungan atau faedah peribadi yang tidak wajar, untuk diri sendiri atau ahli keluarga, rakan atau kenalan, hasil kedudukan mereka dalam Syarikat, mesti dielakkan.

¹⁴ Secara umumnya, Konflik Kepentingan berlaku apabila kepentingan peribadi sebenar, berpotensi, atau anggapan individu (kepentingan kewangan, atau jenis kepentingan lain, hubungan profesional atau peribadi) mempengaruhi atau kelihatan mempengaruhi keputusan profesionalnya, mengganggu kepentingan Syarikat.

Sebarang situasi yang mungkin konflik kepentingan mesti dilaporkan dengan segera melalui Sistem Pemberian Maklumat¹⁵.

¹⁵ lihat ms. 42

9. Kerahsiaan

Coesia menganggap semua maklumat sebagai salah satu sumber strategik Syarikat, dan dengan itu, ia perlu dilindungi dan dikendalikan dengan penuh berhati-hati. Setiap orang yang, semasa menjalankan kerja mereka, mempelajari data terpelihara¹⁶ atau maklumat istimewa¹⁷ mesti menghormati kerahsiaan pada setiap masa.

¹⁶ *Data terpelihara* ialah sebarang maklumat tentang aktiviti penyelidikan dan pembangunan, data industri, teknikal, produktif, komersial atau kewangan, iaitu, jika didedahkan di luar Syarikat (contohnya kepada pesaing, pembekal, pelanggan, dsb.) boleh menjejaskan kepentingan Syarikat secara negatif.

¹⁷ *Maklumat istimewa* ialah sebarang maklumat dalaman khusus tentang aktiviti kewangan, yang tidak diketahui umum, dan jika didedahkan kepada umum, boleh menjejaskan nilai aktiviti tersebut dengan ketara (contoh maklumat istimewa termasuk maklumat berkenaan kemungkinan pemerolehan atau pelupusan Syarikat).

Sebarang bentuk pelaburan, sama ada secara terus atau melalui pihak ketiga, berdasarkan maklumat dalaman yang sulit adalah melanggar undang-undang, dan oleh itu dilarang sama sekali.



10. Sistem Kawalan Dalaman, Perakaunan Tepat, Rekod Kewangan dan Bukan Kewangan

Kecekapan dan keberkesanan Sistem Kawalan Dalaman Coesia adalah penting untuk mengendalikan perniagaan mengikut peraturan dan prinsip Kod ini. Sistem Kawalan Dalaman Coesia merujuk kepada gabungan aktiviti, prosedur dan unit organisasi yang, melalui proses bersepadu pengenalpastian, pengukuran dan pemantauan risiko utama, menjamin perkara berikut:

keberkesanan dan kecekapan operasi perniagaan, dengan itu juga menjamin bahawa dokumen dan keputusan dapat dikesan;

membuat pilihan perniagaan yang termaklum dan bertanggungjawab;

kebolehpercayaan maklumat perakaunan dan pengurusan;

pematuhan undang-undang dan peraturan yang terpakai;

melindungi aset Syarikat.

Untuk tujuan di atas, Penerima Kod dikehendaki menyumbang kepada penambahbaikan berterusan Sistem Kawalan Dalaman Coesia. Dalam menjalankan kerja mereka dan berhubung dengan bidang tanggungjawab mereka yang berasingan, Badan Penyeliaan, Audit Dalaman dan juruaudit bebas mempunyai akses langsung, penuh dan tidak terhad kepada semua kakitangan Syarikat, aktiviti, operasi, dokumen, arkib dan aset perniagaan.

Pihak berkepentingan bergantung pada ketelusan buku dan rekod manakala Coesia komited untuk mengekalkan piawaian integriti yang tinggi dalam menyediakan dan mengekalkan sistem maklumat pentadbiran, fiskal, pengurusan, rekod dan penyata kewangan dan bukan kewangan, yang hendaklah lengkap, benar, jelas, tepat, direkodkan tepat pada masanya dan boleh disahkan.

11. Aktiviti Komersial dan Kewangan Sah

Coesia menjalankan perniagaan dengan mematuhi undang-undang, peraturan dan perundangan antipengubahan wang haram¹⁸, di semua negara tempat ia beroperasi. Untuk mencapainya, Coesia melaksanakan prosedur kebolehdan dalam semua transaksi, dan sentiasa memastikan untuk tidak berinteraksi dengan rakan perbualan yang mencurigakan, walaupun secara tidak langsung atau dengan niat baik.

¹⁸ *Pengubahan wang haram* terdiri daripada menggunakan dana atau barangan yang diperoleh, sama ada secara langsung atau tidak langsung, daripada aktiviti haram untuk operasi yang sah, bagi menyembunyikan asal usulnya yang tidak sah.

Sebelum menjalin hubungan dengan rakan sejawat perniagaan, pembekal, rakan kongsi, Pekerja, perunding, Kumpulan hendaklah menjalankan usaha wajar untuk menilai reputasi mereka yang dihormati dan kesahihan perniagaan mereka, dengan tujuan untuk mengelakkan sebarang implikasi dalam amalan yang boleh dikaitkan, malah berpotensi, dengan perniagaan atau aktiviti kewangan yang tidak wajar.



12. Persaingan Adil

Coesia berjanji untuk mematuhi peraturan dan perundangan yang mengawal perdagangan antarabangsa dan sekatan yang mungkin terpakai dan, secara lebih khusus, menghormati undang-undang yang melarang kartel, perjanjian antipersaingan dan penyalahgunaan kedudukan dominan.

Coesia mengiktiraf kepentingan pasaran yang kompetitif dan komited untuk mematuhi undang-undang anti-trust, peraturan persaingan, dan hak harta intelektual pihak ketiga, berurusan secara adil dengan pelanggan, pembekal, pesaing atau pihak ketiga.

Pekerja Coesia sedar bahawa mereka tidak sepatutnya menggunakan atau memindahkan sebarang maklumat kepada pesaing yang akan melanggar undang-undang anti-trust.

Coesia melindungi semua harta intelektual, miliknya dan milik pihak ketiga, termasuk tanda dagangan, dan melaksanakan sistem kawalan antipemalsuan.



13. Sumber Alam Sekitar

Coesia menggalakkan pembangunan perindustrian yang lestari dan komited untuk melindungi sumber asli, mengurangkan kesan langsung atau tidak langsung oleh operasi dan tapak pengeluarannya ke atas ekosistem. Coesia berusaha untuk mengurangkan penggunaan bahan mentah dan sumber semula jadi, mengambil tindakan terhadap perubahan iklim, memelihara alam semula jadi dan biodiversiti, dan melindungi sumber air.

Perlindungan alam sekitar melangkaui pematuhan undang-undang dan semua Syarikat Coesia memudahkan penyepaduan amalan dan peredaran alam sekitar yang lestari dalam semua peringkat proses pengeluaran mereka, bekerjasama dengan pembekal, pelanggan dan institusi untuk mempromosikan pembangunan model pembuatan yang lestari dan maju, juga melalui teknologi digital.



14. Imej Korporat

Coesia menganggap imej dan reputasinya sebagai sumber yang amat berharga untuk melindungi masa depan Syarikat. Semua pihak yang ditujukan oleh Kod ini bertanggungjawab untuk mengekalkan dan meningkatkan reputasi Kumpulan dengan tingkah laku individu mereka pada setiap masa.

Untuk memastikan imej korporat Coesia dan Kumpulan yang konsisten, hanya jurucakap khusus yang diberikan kuasa untuk berkomunikasi dengan media.

Apabila berkomunikasi di media sosial, anda perlu membuat perbezaan yang jelas antara luahan bebas pandangan peribadi dan komunikasi yang berkaitan dengan peranan profesional seseorang.

15. Beroperasi sebagai sebuah Kumpulan

Setiap Syarikat Kumpulan komited untuk mendukung prinsip yang ditetapkan dalam Kod ini, memudahkan pendekatan dan budaya perniagaan yang dikongsi, dan menyokong sinergi peluang antara kawasan, pasaran dan pelanggan.

Coesia menjalankan operasi dalam Kumpulan di bawah keadaan pasaran biasa, selaras dengan prinsip ketelusan dan kebolehkesanan, untuk tujuan penilaian yang adil dan tepat.





16. Pembekal

Pembekal dikehendaki beroperasi dengan cara yang konsisten dengan Kod Etika ini di seluruh rantai bekalan.

Coesia percaya bahawa mendapatkan perkongsian kerja dengan pembekalnya ialah pendekatan yang saling menguntungkan untuk menjamin pematuhan terhadap semua peraturan antarabangsa dan undang-undang negara, dan memastikan piawaian bekalan yang bertanggungjawab dan lestari di seluruh rantai bekalan.

Coesia bekerjasama dengan pembekalnya untuk memastikan pematuhan piawaian tinggi dari segi integriti, kualiti produk, kesihatan dan keselamatan produk, persekitaran kerja dan individu; hak harta Intelektual; hak alam sekitar; hak asasi manusia dan hak untuk bekerja secara bebas—termasuk kebebasan untuk menyertai kesatuan sekerja. Coesia menggalakkan peluang dan layanan yang sama dan tidak bertolak ansur dengan sebarang jenis diskriminasi, keganasan, atau gangguan dan menolak bantuan atau eksploitasi buruh kanak-kanak, buruh paksa atau wajib, pemerdagangan manusia dan sebarang bentuk perhambaan moden.

Coesia mengharapkan pembekalnya dapat mengesahkan dan mendokumenkan bahawa produk atau bahan mentah yang dibekalkan di seluruh rantai bekalan tidak berasal dari atau kewangan, konflik atau kawasan berisiko tinggi yang berkaitan dengan pelanggaran hak asasi manusia.

Coesia menggalakkan pembekalnya untuk terus membangunkan, melaksanakan dan mengekalkan amalan bertanggungjawab terhadap alam sekitar, meningkatkan prestasi sambil meminimumkan kesan alam sekitar mereka.

17. Komuniti

Coesia komited untuk memupuk pembangunan komuniti di tempat ia hadir, menghormati budaya dan tradisi tempatan, melalui hubungan yang murni dan bersama.

Coesia melabur dalam kesejahteraan dan pertumbuhan komuniti di tempat ia beroperasi juga melalui perkongsian dan derma yang banyak kepada institusi, sekolah, universiti dan organisasi bukan untung.



Jawatankuasa Etika Kumpulan



Terdapat Jawatankuasa Etika peringkat Kumpulan, yang diketuai oleh Presiden Coesia, yang menggalakkan, menyelia dan memantau pelaksanaan Kod dan Sistem Pemberian Maklumat.

Jawatankuasa Etika bertindak balas terhadap laporan ketidakpatuhan Kod dalam kerahsiaan yang ketat. Sepanjang keseluruhan mekanisme pemberian maklumat, ia melindungi identiti dan privasi individu yang memfailkan aduan, serta subjek lain yang terlibat atau disebut, dan semua maklumat dan data yang berkaitan.

Semua maklumat dan laporan yang dikemukakan kepada Jawatankuasa Etika akan diuruskan secara sulit dan tidak boleh didedahkan, dalam had yang dibenarkan oleh undang-undang.

Peranan Jawatankuasa Etika adalah untuk mengendalikan laporan tentang sebarang pelanggaran besar Kod Etika Coesia dan sentiasa memantau dan memastikan pematuhan, dengan segera memaklumkan kepada Lembaga Pengarah tentang kemungkinan pelanggaran yang berkaitan.

Sistem Pemberian Maklumat





Coesia menggalakkan budaya berdasarkan kepercayaan, dialog, dan pertukaran idea, iaitu Pekerja boleh menyuarakan kebimbangan mereka, meminta panduan tentang keputusan yang rumit, menangani isu kritikal atau membuat cadangan. Dialog terbuka membantu untuk menghadapi masalah etika dan membuat keputusan yang lebih baik. Anda sentiasa boleh mencari sokongan sekiranya terdapat keraguan dan mendapatkan bimbingan dengan menyerahkan laporan.

Semua Pekerja digalakkan untuk menyatakan pendapat mereka dan memberitahu sebarang pelanggaran, kelakuan tidak beretika, atau kelakuan yang bertentangan dengan Kod Etika, serta mengemukakan soalan, meminta penjelasan, atau mendapatkan input untuk menambah baik proses membuat keputusan.



Untuk memudahkan penilaian rujukan, anda perlu memberikan penerangan terperinci dan objektif tentang isu tersebut, termasuk semua fakta dan maklumat yang diketahui.

Sesiapa sahaja yang melaporkan kebimbangan atau pelanggaran tidak akan dikenakan sebarang tindakan balas, diskriminasi atau penalti atas sebab yang berkaitan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dengan pelaporan tersebut.

Dalam semua kes, identiti pihak pelapor hendaklah sentiasa dilindungi, melainkan pendedahan diperlukan oleh undang-undang atau untuk melindungi hak Syarikat Kumpulan, atau individu yang dituduh secara salah atau berniat jahat.

Dialog terbuka: saluran pelaporan

Laporan boleh dihantar menggunakan salah satu saluran pemberian maklumat berikut:


- 1. Jika individu tersebut berasa selesa, apa-apa perkara pada mulanya boleh dilaporkan terus kepada **penyelia atasan**;
- 2. Jika tuntutan tersebut berkaitan dengan **kontroversi individu atau kolektif, Rakan Niaga HR** boleh dimaklumkan;
- 3. Jika atas sebab tertentu, dua pilihan di atas tidak dapat dilaksanakan, anda boleh **melaporkan dalam semua bahasa yang dituturkan dalam Coesia**, atas dasar sulit yang tegas, menggunakan **platform digital**:

dalam bentuk bertulis

 **coesia.ethicspoint.com**

 **coesia.navexone.eu**

atau **Kod QR**:



[dua saluran di atas membenarkan pelaporan tanpa nama]

dalam bentuk lisan

 **nombor bebas tol** boleh didapati di portal **coesia.ethicspoint.com** (24j - 7 hari seminggu)

- 4. Anda juga boleh menghantar **e-mel** atau **surat yang ditandatangani dalam bahasa Inggeris**, di bawah dasar kerahsiaan yang ketat:

 **codethics@coesia.com**

 **Coesia, Ethics Committee, Via Battindarno 91, 40133 Bologna, Italy**

Sekiranya seseorang merasakan kebimbangan mereka tidak diambil tindakan yang sewajarnya, individu tersebut mungkin perlu menyerahkan perkara tersebut sekali lagi melalui salah satu saluran lain yang tersedia.

Cadangan

Idea dan cadangan baharu untuk penambahbaikan juga boleh dikemukakan. Ia akan dinilai dan dibalas.

Permintaan untuk maklumat lanjut atau keraguan

Maklumat lanjut atau penjelasan boleh diminta melalui e-mel kepada: **codethics@coesia.com**

Kerahsiaan dan Privasi

Kakitangan yang ditetapkan untuk mengumpul dan memproses laporan bertanggungjawab untuk mengekalkan kerahsiaan yang ketat dalam mengendalikan maklumat yang diamanahkan kepada mereka. Butiran laporan, yang mungkin boleh mengenal pasti individu yang membuat laporan, tidak akan didedahkan tanpa kebenaran bertulis. Pemberi maklumat akan dimaklumkan sekiranya aduan mereka tidak dapat disiasat dengan lebih lanjut tanpa persetujuan mereka untuk membuat pendedahan.

Sistem pelaporan diuruskan mengikut peraturan privasi yang berkuat kuasa.

Tindakan balas terhadap individu yang melaporkan kebimbangan atau pelanggaran Kod yang sebenar, atau mungkin berlaku, tidak akan diterima.

